
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2009/2010

April/Mei 2010

YKT 213 – Komunikasi, Kuasa dan Konflik

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Di negara membangun seperti Malaysia, media mesti bekerjasama dengan pemerintah untuk kebaikan masyarakat seluruhnya. Bincangkan secara kritis dakwaan ini berdasarkan pandangan-pandangan pluralisme dan kritis mengenai negara.
2. Nilaikan peranan media dalam satu sistem pemerintahan seperti di Malaysia. Adakah media mempertahankan persetujuan atau cuba membentuk persetujuan sebagaimana yang telah ditentukan oleh kumpulan yang berkuasa dalam masyarakat?
3. Apakah yang dimaksudkan oleh Gramsci dengan ‘krisis hegemoni’? Dengan menggunakan contoh daripada budaya popular bincangkan bagaimana media membantu dalam proses untuk menyelesaikan krisis.
4. Dengan mengambil sistem televisyen sebagai contoh, nilaikan secara kritis peranan yang dimainkan oleh perbadanan antarabangsa. Adakah kehadiran/penglibatan mereka ini perkara yang baik, jika tidak apakah bentuk-bentuk alternatif yang boleh dimajukan?
5. Adakah benar audiens media mampu menafsirkan mesej media? Jika benar adakah ini bermakna mereka mempunyai kuasa?